



# PANDUAN PENULISAN DAN PENGUNAAN



**UTM**  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

**NEWSHUB**

**PANDUAN**  
**PENULISAN** DAN  
**PENGGUNAAN**



**NEWSHUB**

**PANDUAN**  
**PENULISAN** DAN  
**PENGGUNAAN**  
 **UTM** **NEWSHUB**  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

**Pejabat Strategi dan Hal Ehwal Korporat**  
Universiti Teknologi Malaysia  
**2024**

**Editor Eksekutif**

Profesor Madya ChM. Dr. Che Rozid Mamat

**Ketua Editor**

Rohaizan Khairul Anuar

**Editor/Penulis**

Nur'Aina Osman

Mohd. Fadhtul Ikmal Misnal

**Pembaca Prof**

Mohd Sharul Hafiz Razak

Nur Zahirah Mohd Zin

Nur Amalina Hamidi

**Pengurusan**

Hairusyakirin Shafei

Edisi Pertama 2024

© **Pejabat Strategi dan Hal Ehwal Korporat**

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian, ilustrasi, dan isi kandungan buku panduan ini dalam apa jua bentuk dan apa jua cara sama ada secara elektronik atau bercetak tanpa mendapatkan kebenaran bertulis daripada Pengarah Pejabat Strategi dan Hal Ehwal Korporat, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru, Johor Darul Ta'zim.

Diterbitkan di Malaysia oleh

**Pejabat Strategi dan Hal Ehwal Korporat**

Jabatan Canseleri

Bangunan Canseleri Sultan Ibrahim

Universiti Teknologi Malaysia

81310 UTM Johor Bahru

Johor Darul Ta'zim, Malaysia

# ISI KANDUNGAN

## PANDUAN PENULISAN DAN PENGGUNAAN UTM NEWSHUB

1.0	TUJUAN	1
2.0	LATAR BELAKANG UTM NEWSHUB	1
3.0	PANDUAN PENULISAN	1
3.1	Kategori Artikel	1
3.2	Kriteria Umum	1
3.3	Format Artikel	2
4.0	KLASIFIKASI BERITA	3
5.0	PANDUAN PENGGUNAAN PORTAL UTM NEWSHUB	3
5.1	Log Masuk	3
5.2	Pemilihan Bahasa	4
5.3	Memuat naik Tajuk dan Isi Kandungan Artikel	4
5.4	Memuat naik Imej Utama ( <i>Featured Image</i> ) dan Imej Sokongan Artikel ( <i>Article Support Image</i> )	5
5.5	Pemilihan Kategori dan Jabatan ( <i>Category and Department</i> )	11
5.6	Penghantaran Artikel	13
6.0	PENUKARAN PAPARAN NAMA PROFIL	14
7.0	STATUS PENGHANTARAN ARTIKEL	16
7.1	<i>Published</i>	16
7.2	<i>Pending Review</i>	16
7.3	<i>Pending Author</i>	16
7.4	<i>Proofreading</i>	16
7.5	<i>Rejected</i>	16
8.0	JUSTIFIKASI PENERBITAN ARTIKEL	16
9.0	PINDAAN DAN KEMAS KINI	16
10.0	PENUTUP	16
11.0	MAKLUMAT LANJUT	17

## 1.0 TUJUAN

Buku Panduan ini diwujudkan sebagai rujukan bagi seluruh warga Universiti Teknologi Malaysia dalam penulisan artikel berita dan rencana yang boleh dimuat naik ke dalam portal UTM NewsHub. Dokumen ini juga menetapkan proses dan keperluan yang perlu dipenuhi oleh pengguna portal bagi memuat naik artikel di portal ini.

## 2.0 LATAR BELAKANG UTM NEWSHUB

UTM NewsHub merupakan portal berita rasmi UTM yang mula dibangunkan pada 2010. Portal ini diwujudkan bertujuan untuk menjadi platform kepada warga Universiti berkongsi kisah pencapaian, pelaksanaan program dan acara, dan wacana yang dapat memberi impak kepada Universiti serta manfaat kepada warga kampus, komuniti dan negara. Platform ini kemudiannya telah ditambah baik pada 2023 bagi memberi perwajahan baharu dan pengalaman yang lebih baik kepada pengguna.

## 3.0 PANDUAN PENULISAN

### 3.1 Kategori Artikel

#### 3.1.1 Artikel Berita

- (a) Penulisan yang **melaporkan kejadian/peristiwa informasi/pencapaian mengenai sesuatu yang telah atau sedang terjadi.**
- (b) Penulisannya adalah bersifat menyeluruh.
- (c) Pelaporan adalah jelas dan mudah, tepat, tidak panjang dan menampilkan info yang penting sahaja.

#### 3.1.2 Artikel Rencana

- (a) Penulisan yang mengandungi **maklumat, ulasan, huraian, atau penceritaan sesuatu perkara/isu.**
- (b) Mengandungi fakta yang dikemukakan berdasarkan penyelidikan, tinjauan dan rujukan penulis.
- (c) Mempunyai nilai intelektual yang boleh merangsang minda pembaca

### 3.2 Kriteria Umum

- 3.2.1 Menggunakan bahasa Melayu atau bahasa Inggeris standard.

- 3.2.2 Kapanjangan artikel **berita** ialah di antara **400 hingga 500 patah perkataan**.
- 3.2.3 Kapanjangan artikel **rencana** ialah di antara **700 hingga 900 patah perkataan**.
- 3.2.4 Mengandungi **maksimum lima (5)** gambar di dalam teks artikel.
- 3.2.5 Mengandungi satu (1) gambar utama (*featured image*) bagi setiap artikel.
- 3.2.6 Judul artikel tidak melebihi 10 patah perkataan (160 karakter).
- 3.2.7 Topik pemberitaan perlu berkaitan acara atau aktiviti yang dapat menunjukkan impak yang baik kepada Universiti dan komuniti secara umumnya.

### 3.3 Format Artikel

3.3.1 Bagi menghasilkan artikel yang baik, penulisan artikel kebiasaannya perlu mengikuti format berikut:

- (a) Tajuk Artikel
- (b) Tempat dan Tarikh (bagi Artikel Berita)
- (c) Pendahuluan
- (d) Isi/Badan Artikel
- (e) Penutup (jika perlu)

3.3.2 Penerangan ringkas berkaitan struktur adalah seperti berikut:

#### (a) Tajuk Artikel

Tajuk artikel perlu ringkas dan menggambarkan topik yang diceritakan. Tajuk ini haruslah mampu menarik perhatian pembaca dan mudah difahami.

#### (b) Tempat dan Tarikh

Setiap **artikel berita** perlu menyatakan tempat (daerah program berlangsung) diikuti dengan tarikh (dd/mm), contoh JOHOR BAHRU, 12 Dis.-. Penyataan tempat dan tarikh ini untuk memudahkan pembaca menjadikannya sebagai rujukan berita. **Artikel rencana** pula boleh ditulis tanpa memasukkan tempat dan tarikh.

#### (c) Pendahuluan

Pendahuluan merupakan ringkasan yang menerangkan tentang tajuk dan mengandungi maklumat **5W1H** (Apa, Bila, Di mana, Siapa dan Mengapa) berkaitan topik. Perenggan

pertama ini amat penting kerana ia boleh menjadi penentu kepada seseorang pembaca sama ada ingin meneruskan pembacaan atau sebaliknya.

#### **(d) Isi/Badan Artikel**

Isi atau badan berita merupakan penjelasan terperinci berkaitan topik yang ditulis. Dalam menghasilkan penulisan berita yang baik, penghuraian isi pada perenggan kedua dan seterusnya haruslah ditulis secara berturutan (kronologi) yang membolehkan pembaca mengikuti perkembangan penceritaan. Penulis boleh merujuk kaedah piramid terbalik bagi menghasilkan artikel berita yang dapat menarik minat pembaca seterusnya memudahkan mereka memahami topik yang dilaporkan (**rujuk Lampiran 2**).

#### **(e) Penutup**

Kebiasaannya, maklumat yang paling kurang penting untuk diketahui oleh pembaca akan diletakkan dalam perenggan akhir atau kedua akhir bagi sesebuah artikel berita. Bagi artikel rencana pula, penutup merupakan rumusan kepada keseluruhan topik yang telah dibincangkan.

3.3.3 **Elakkan menulis seperti format laporan acara/aktiviti** secara terperinci.

3.3.4 Sekiranya artikel yang dimuat naik bukan ditulis oleh pemohon, hanya dua nama pengarang yang dibenarkan ditulis pada hujung sesebuah artikel. Begitu juga halnya jika terdapat nama penyunting bagi sesebuah artikel.

## **4.0 KLASIFIKASI BERITA**

Mengambil kira akan minat dan hasrat warga UTM dalam berkongsi berita tentang program/aktiviti, pencapaian dan pendapat berkaitan isu-isu semasa, dikongsikan klasifikasi berita dan kelayakan penyiaran artikel seperti dalam Jadual 1.

## **5.0 PANDUAN PENGGUNAAN PORTAL UTM NEWSHUB**

### **5.1 Log Masuk**

Pengguna baharu atau sedia ada boleh log masuk ke portal UTM NewsHub (<https://news.utm.my/>) dengan menggunakan e-mel rasmi UTM masing-masing.



Pengguna akan menerima kod verifikasi (*verification code*) setiap kali log masuk. Kod ini akan dihantar ke e-mel yang diberikan oleh pengguna.

## 5.2 Pemilihan Bahasa

Pengguna perlu memilih **Bahasa Melayu (Malay)** atau **Bahasa Inggeris (English)**.

Pemilihan bahasa boleh dibuat di seksyen '**Language of this post**' yang terletak di bahagian sebelah kanan *Wordpress Editor* (Rajah 1).

## 5.3 Memuat naik Tajuk dan Isi Kandungan Artikel

5.3.1 Pengguna boleh memuat naik tajuk artikel dan isi kandungan artikel dengan mudah menggunakan arahan *copy* (Ctrl + C) dan *paste* (Ctrl + V) seperti dalam Rajah 2.

**Jadual 1** Klasifikasi Berita dan Kelayakan Penyiaran


Bil.	Klasifikasi Berita	Terbitan di UTM NewsHub
(1)	Anugerah/Pengiktirafan di peringkat Antarabangsa/ Kebangsaan/Universiti	✓
(2)	Anugerah/Pengiktirafan di peringkat Jabatan/Sekolah/ Persatuan/Kelab	✗
(3)	MoU/MoA bersama Agensi/Industri	✓
(4)	Projek Berimpak bersama Komuniti	✓
(5)	Lawatan kerja (Melibatkan MoU/MoA/LoC)	✓
(6)	Lawatan kerja (Tanpa melibatkan MoU/MoA/LoC)	✗
(7)	Lawatan sambil belajar (Melibatkan aktiviti pemindahan ilmu)	✓
(8)	Lawatan sambil belajar (Tanpa aktiviti pemindahan ilmu)	✗
(9)	Program di peringkat Antarabangsa/ Kebangsaan/Universiti	✓
(10)	Program di peringkat Jabatan/Fakulti/Persatuan/Kelab	✗
(11)	Program Keusahawanan melibatkan pelajar dan komuniti	✓
(12)	Aktiviti dalaman Kolej Kediaman pelajar (Keraian/Ceramah/ Sukan dsb.)	✗
(13)	Aktiviti dalaman PTJ (Keraian/Ceramah/Sukan dsb.)	✗

5.3.2 Pengguna digalakkan untuk merangka dan menulis draf artikel di MS Word terlebih dahulu, sebelum memuat naik draf tersebut ke *Wordpress Editor*.

5.3.3 Tajuk artikel hendaklah tidak melebihi 10 patah perkataan.

## 5.4 Memuat naik Imej Utama (*Featured Image*) dan Imej Sokongan Artikel (*Article Support Image*)


5.4.1 Imej Utama perlu mempunyai **resolusi 1000 x 2000 pixels** bagi membolehkan paparan yang optimum pada portal seperti dalam Rajah 3 hingga 6.




Rajah 1 Paparan pemilihan bahasa di bahagian sebelah kanan




Rajah 2 Paparan 'copy & paste' draf artikel daripada MS Word ke UTM NewsHub




**Rajah 3** Paparan untuk memuat naik Imej Utama



**Rajah 4** Paparan untuk memilih imej




**Rajah 5** Pilih imej daripada Desktop/PC. Kemudian, pilih 'Open' untuk memuat naik imej yang dipilih




**Rajah 6** Paparan ketika proses akhir memuat naik Imej Utama


### 5.4.2 Hanya lima (5) gambar sahaja beserta kapsyen yang sesuai boleh dimuat naik ke dalam teks.



Rajah 7 Pilih menu 'Add Media' sebagai langkah pertama



Rajah 8 Pilih Menu 'Upload files'




**Rajah 9** Paparan untuk memilih Imej Sokongan



**Rajah 10** Pilih imej daripada Desktop/PC. Kemudian, pilih 'Open' untuk memuat naik imej yang dipilih



Rajah 11 Imej yang dipilih sedang dimuat naik




Rajah 12 Imej selesai dimuat naik. Imej yang telah dimuat naik akan terpapar/disimpan di 'Media Library'

### 5.4.3 Muat Naik Klip Video sebagai Video Utama

Pengguna boleh memuat naik klip video berkaitan program yang diberitakan sebagai antara Video Utama bagi artikel berdasarkan syarat berikut:

- Video merupakan bahan daripada laman *YouTube* atau perlu dimuat naik terlebih dahulu pada laman berkenaan.
- Hanya satu (1) video yang dibenarkan untuk dimuat naik.
- Video dari laman *YouTube* perlu dimasukkan pada ruangan '*Additional Field*' dengan memilih butang '*Yes*' bagi '*Set Video as Featured Image*' seperti dalam Rajah 13.
- Salin (*copy*) pautan URL video *YouTube* video yang dipilih dan tampal (*paste*) pada ruangan '*Video URL*'
- Pengguna masih perlu memuat naik lmej Utama bagi artikel berkenaan (**rujuk Perkara 5.4.1**).



**Rajah 13** Cara memuat naik video sebagai Video Utama

## 5.5 Pemilihan Kategori dan Jabatan (Category and Department)


Pengguna hanya dibenarkan memilih satu (1) Kategori dan satu (1) Jabatan bagi setiap artikel yang ingin dimuat naik. Sekiranya memilih lebih daripada satu, artikel tidak boleh dihantar bagi proses semakan (*Submit for Review*).

Senarai Kategori bagi artikel bahasa Melayu dan bahasa Inggeris adalah sepertimana Jadual 2:



**Jadual 2** Kategori bahasa Melayu dan bahasa Inggeris


Bahasa Melayu	Bahasa Inggeris
(i) Anugerah/Pencapaian/Pengiktirafan	<i>Awards/Winning-Competition/Recognition</i>
(ii) Rangkaian Kolaborasi & Kerjasama	<i>Collaboration &amp; Networking</i>
(iii) Projek Berimpak	<i>Impactful Project</i>
(iv) Isu Semasa	<i>Current Issues</i>
(v) Kenyataan Media	<i>Press Release</i>
(vi) Kisah Motivasi	<i>Motivational Stories</i>
(vii) Klip Berita	<i>News Clipping</i>
(viii) Konvokesyen UTM	<i>UTM Convocation</i>
(ix) Libat sama Komuniti	<i>Community Engagement</i>
(x) MoU/MoA	<i>MoU/MoA</i>
(xi) Pekeliling UTM	<i>UTM Circulation</i>
(xii) Persidangan & Seminar	<i>Conference &amp; Seminar</i>
(xiii) Rangkaian Alumni	<i>Alumni Networking</i>
(xiv) Ulasan Pakar	<i>Expert Highlights</i>



**Rajah 14** Pilihan Kategori bagi artikel berbahasa Melayu



**Rajah 15** Pilihan Kategori bagi artikel berbahasa Inggeris



**Rajah 16** Senarai Jabatan (*Department*)


## 5.6 Penghantaran Artikel

Setelah semua senarai semak (*checklist*) telah dipenuhi, artikel boleh dimuat naik dengan menekan butang 'Submit for Review'. Dengan menekan butang ini, proses memuat naik dianggap selesai, dan artikel bersedia untuk disemak oleh pihak Editorial UTM NewsHub (**rujuk Rajah 17 dan 18**).

Pemohon hendaklah memuat naik artikel berkaitan acara/program selewat-lewatnya dalam tempoh satu (1) bulan daripada tarikh acara/program berlangsung.



**Rajah 17** Senarai semak bagi membolehkan artikel dimuat naik untuk penghantaran




**Rajah 18** Proses akhir memuat naik artikel dengan menekan butang 'Submit for Review'

## 6.0 PENUKARAN PAPARAN NAMA PROFIL


Pengguna amat perlu menukar paparan nama bagi profil yang perlu mencerminkan identiti sebenar pengguna dan meningkatkan kebolehpercayaan sesebuah artikel. Gunakan nama sebenar yang ringkas dan mudah difahami.

Hanya **gambar profesional dan rasmi** dibenarkan. **Gambar swafoto tidak dibenarkan sama sekali.**

Pengguna boleh berbuat demikian pada ruang 'Edit Profile' dengan merujuk Rajah 19 hingga 21.



Rajah 19 Penukaran paparan nama profil pada 'Edit Profile'



Rajah 20 Pengguna boleh memasukkan dan memilih nama pada ruang yang tersedia



Rajah 21 Proses akhir penetapan paparan nama profil pada bahagian bawah halaman

## 7.0 STATUS PENGHANTARAN ARTIKEL

### 7.1 *Published*

Artikel telah diterbitkan dan terkandung dalam paparan portal UTM NewsHub untuk bacaan umum.

### 7.2 *Pending Review*

Artikel sedang melalui proses prasemakan oleh pihak editorial UTM NewsHub untuk melihat keperluan asas bagi sesebuah artikel telah dipenuhi.

### 7.3 *Pending Author*

Artikel dikembalikan kepada pengarang untuk proses pembetulan dan penambahbaikan berdasarkan keperluan dan komen daripada pihak editorial UTM NewsHub.

### 7.4 *Proofreading*

Artikel sedang melalui proses semakan pruf bagi melihat aspek tatabahasa, kesalahan ejaan, format, ketekalan istilah dan kesesuaian ayat berdasarkan konteks pelaporan.

### 7.5 *Rejected*

Artikel tidak diterima untuk penerbitan kerana tidak memenuhi format dan keperluan asas yang telah dinyatakan selain tidak menepati Klasifikasi Berita.

## 8.0 JUSTIFIKASI PENERBITAN ARTIKEL

Artikel yang telah dimuat naik ke dalam portal UTM NewsHub akan melalui proses semakan dan penyuntingan oleh pihak editorial bagi melihat kesesuaian penerbitan di platform ini berdasarkan elemen yang telah dinyatakan sepertimana di atas.

Aspek kandungan dan impak artikel terhadap Universiti, komuniti dalam dan di luar kampus, industri dan negara diberi keutamaan dalam menjustifikasi kesesuaian penerbitan sesebuah artikel. **Namun, justifikasi ini juga tertakluk kepada budi bicara pihak Editorial dari semasa ke semasa.**

## **9.0 PINDAAN DAN KEMAS KINI**

Panduan ini adalah tertakluk kepada semakan dan pindaan dari semasa ke semasa selaras dengan keperluan dan perubahan teknologi, aplikasi, prosedur, perundangan dan kepentingan sosial.

## **10.0 PENUTUP**

Panduan ini diharap dapat memberi pencerahan dan menjadi rujukan kepada warga UTM untuk menghasilkan artikel yang bermutu agar dapat diterbitkan di portal berita dalam talian rasmi Universiti; UTM NewsHub. Pemaparan artikel yang bermutu dan berimpak amat penting sebagai bahan komunikasi dan bukti warga UTM sentiasa komited dalam menjalankan fungsi dan memberi manfaat kepada masyarakat dan seterusnya negara.

## **11.0 MAKLUMAT LANJUT**


Sebarang pertanyaan mengenai kandungan panduan ini boleh diajukan kepada:

**Unit Berita dan Perhubungan Media**  
Seksyen Komunikasi Korporat  
Pejabat Strategi dan Hal Ehwal Korporat  
Jabatan Canseleri  
Aras 3, Bangunan Canseleri Sultan Ibrahim  
81310 UTM Johor Bahru.  
E-mel: [corporatemedi@utm.my](mailto:corporatemedi@utm.my)

## LAMPIRAN 1

### Contoh Artikel

#### 1.0 Artikel Berita



The screenshot shows a news article on the UTM NewsHub website. The main image features a woman in a hijab and a man in a suit holding two red certificates. The article title is "MODE 2024 Platform FKM Perkasa Hubungan Universiti-Industri Ke Arah Menginovasi Penyelesaian Dalam Negara". The text below the title discusses the MODE 2024 platform, its purpose in strengthening university-industry ties, and its role in innovating local solutions. It mentions the platform's focus on research, development, and commercialization of technology. A smaller image at the bottom shows a group of people in a meeting.



The screenshot shows a news article on the UTM NewsHub website. The main image shows a group of people, some in green shirts, standing in front of a building with Malaysian flags. The article title is "Lawatan KSU Kementerian Perpaduan Negara: Sokongan". The text below the title discusses the visit of the KSU (Kementerian Perpaduan Negara) to UTM, highlighting the support and collaboration between the university and the ministry. It mentions the KSU's role in promoting national unity and the importance of UTM's contribution to the national development.


## 2.0 Artikel Rencana

The screenshot shows a news article on the UTM NewsHub website. The main image is an aerial view of the UTM campus at sunset. The article title is "UTM Reaches New Heights in QS World University Rankings 2025". The author is identified as "Dina Nur Hafidha" from the "Office of Strategy and External Affairs". The article text discusses UTM's achievement in the QS World University Rankings 2025, highlighting its position in the top 500 and its growth in research and innovation. It mentions that UTM is ranked 48th in the QS World University Rankings 2025, up from 51st in 2024. The article also notes that UTM is ranked 1st in the QS World University Rankings 2025 for the category of 'Most Improved Universities'.

The screenshot shows a news article on the UTM NewsHub website. The main image features a man in a suit standing in front of a dam. The article title is "Malaysia's perspective on water resource sharing: Leveraging water for peace". The author is identified as "Dina Nur Hafidha" from the "Office of Strategy and External Affairs". The article text discusses the importance of water resource sharing in Malaysia and the role of UTM in promoting water for peace. It mentions that UTM is a member of the International Association of Agricultural Universities (IAAU) and is actively engaged in water resource management research and innovation. The article also notes that UTM is ranked 1st in the QS World University Rankings 2025 for the category of 'Most Improved Universities'.




## LAMPIRAN 2



- 1** Maklumat utama 5W1H (*what, when, where, who, why, how*)
- 2** Maklumat kedua penting
- 3** Petikan langsung dan petikan tak langsung
- 4** Maklumat kurang penting
- 5** Maklumat paling kurang penting

### Struktur Penulisan piramid terbalik

*Diubah suai daripada Stoval (2012)*



**Carta Alir Proses Penerbitan UTM NewsHub**

# PANDUAN PENULISAN DAN PENGUNAAN **UTM** NEWSHUB

Buku *Panduan Penulisan dan Penggunaan UTM NewsHub* ini direka khusus untuk membantu warga UTM menghasilkan serta memuat naik artikel berita dan rencana ke dalam portal UTM NewsHub. Bagi menjamin kualiti artikel yang dimuat naik, panduan ini mengandungi langkah penulisan yang memenuhi kriteria yang telah ditetapkan, termasuklah klasifikasi artikel, format yang sesuai, dan tatacara muat naik artikel yang lengkap. Panduan ini penting bagi seluruh warga Universiti ini dalam memastikan artikel yang bakal dimuat naik mampu mengangkat imej dan reputasi UTM ke tahap yang lebih tinggi sebagai antara universiti tersohor negara.